

PM beri tujuh hari untuk laksana pembaharuan atau turun pangkat

Kerajaan tidak akan bertolak ansur kelemahan penguatkuasaan, tadbir urus

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi amaran bahawa kerajaan tidak lagi boleh bertolak-ansur dengan kelemahan penguatkuasaan dan tadbir urus yang tidak ditangani dengan serius.

Perdana Menteri berkata, Malaysia perlu diselamatkan daripada pelbagai kegiatan yang merosakkan integriti pasukan penguatkuasaan dan menjejaskan ekonomi negara.

Justeru, beliau menetapkan tempoh seminggu untuk pimpinan tertinggi agensi penguat kuasa menyatakan kesediaan memikul amanah dan melakukan pembaharuan atau bersedia diturunkan ke jawatan lebih rendah, sulan masih wujud kelemahan serius dalam aspek penguatkuasaan.

Perdana Menteri berkata, meskipun kerajaan mencatat pelbagai kejayaan dari segi ekonomi dan pemerintahan sepanjang hampir tiga tahun pentadbiran, ruang untuk melakukan penambahbaikan masih luas dan tidak boleh dipandang ringan.

Katanya, kejayaan yang dicapai wajar diraikan, namun pada



Anwar beramah mesra dengan tetamu pada Majlis Amanat YAB Perdana Menteri Bersama Ketua-Ketua Jabatan/Agensi Penguatkuasaan Yang Berhubungan Dengan Jenayah Kewangan di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA).

masa sama kerajaan perlu bersikap insaf dengan menilai secara jujur kekuatan dan kelemahan yang masih wujud, khususnya dalam kalangan agensi penguat kuasa.

“Tetapi kira-kira tiga tahun (kemudi kerajaan), saya merasakan ada ruang yang mesti (diperbaiki), kelemahan tidak boleh dihargai baik dari segi pencerobohan atau penyeludupan atau kegiatan gelap yang masih berlaku dan ada kalanya dengan ruang dan keizinan keadaan.

“Saya nak berikan kata-kata yang keras dan singkat, sudah

sampai ketikanya di mana kita harus beri jawapan, kalau sudah diamanahkan dan rasanya kurang mampu menerima cabaran besar dan ujian berat dan pelawaan (penyelewengan) terlalu menarik, saya syorkan untuk dimaklumkan dalam tempoh seminggu ini kepada ketua-ketua jabatan, kepada saya sendiri atau menteri.

“Sila bagi tahu kita belum bersedia untuk mengambil (amanah sebagai pemimpin penguat kuasa). Tempoh satu minggu. Kenapa saya pilih untuk menyatakan ini? Kerana saya sampai ke tahap hi-

lang kesabaran dan merasakan masih ada kelemahan dan ruang kelompangan yang wajib diperbaiki,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Amanat YAB Perdana Menteri Bersama Ketua-Ketua Jabatan/Agensi Penguatkuasaan Yang Berhubungan Dengan Jenayah Kewangan di sini, semalam.

Anwar berkata, sudah sampai masanya pimpinan tertinggi penguat kuasa memberikan jawapan sama ada mereka benar-benar bersedia memikul tanggungjawab besar yang diamanah-

kan atau mengakui ketidakmampuan menghadapi cabaran dan ujian, termasuk tarikan penyelewengan.

Beliau berkata, negara berpotensi tinggi ini tidak boleh terus terdedah kepada kebocoran, penyeludupan dan kelemahan integriti.

“Rakyat mengharap dan dahagakan pembaharuan. Kalau sanggup pikul tanggungjawab, lakukan sebaik mungkin. Jika memilih untuk berundur ke jawatan lebih rendah, saya akan hormat,” katanya.

Persoal kelemahan

Perdana Menteri turut mempersoalkan bagaimana penyeludupan boleh berlaku secara terbuka dan kelemahan penguat kuasa seolah-olah membenarkan keterlanjuran berterusan, sambil mengingatkan bahawa jawatan tinggi dan pengiktirafan yang diterima seharusnya mendorong keberanian untuk bertindak tegas dan berintegriti.

Beliau menegaskan, pembaharuan hanya boleh dicapai jika semua pihak bekerja sebagai satu pasukan, menolak sikap sambil lewa serta berani menegakkan nilai kebenaran, keikhlasan, ihsan dan keadilan demi menyelamatkan bangsa dan negara.

“Saya tahu dalam lubuk hati kecil kita, masih ada keinginan untuk buat sesuatu. Ini naluri insan yang Allah jadikan kepada kita. Kita ada beberapa keterbatasan, kelemahan tapi di benak hati kita, damir dan naluri kita, tentunya sebagai manusia, ada insan menginginkan sesuatu dan saya mendoakan kepada Allah, mudah-mudahan kita dapat lakukan sebaik mungkin,” katanya.